

# PBS sifatkan UMNO jujur tegakkan perpaduan

UM - 9 DE 2001

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KOTA KINABALU 8 Dis. - Parti Bersatu Sabah (PBS) memuji pendirian UMNO yang disifatkan paling jujur untuk menegakkan perpaduan rakyat apabila sanggup menerima semula PBS kembali ke pangkuan Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Agung PBS, Radin Malleh hari ini berkata, kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam sudah tentu akan membuka lembaran baru kepada PBS untuk sama-sama mendukung cita-cita perpaduan bangsa dengan melupakan segala sengketa silam.

"Kami (PBS) benar-benar terharu dengan kenyataan Dr. Mahathir dan UMNO pimpinannya kerana telah membuktikan kejujuran apabila sanggup menerima kemasukan semula PBS ke dalam BN demi untuk melihat perpaduan bangsa di Malaysia," tegasnya.

Radin juga merakamkan penghargaan terima kasih kepada Dr. Mahathir berhubung dengan kedudukan PBS itu dan yakin dengan penyeritaan semula parti berkenaan akan dapat mengukuhkan lagi kerajaan BN demi kepentingan kemajuan dan perpaduan rakyat.

Beliau meminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Kuala Lumpur semalam yang menyatakan bahawa UMNO tiada halangan untuk menerima kemasukan semula PBS ke dalam BN.

Presiden UMNO itu berkata, isu kemasukan semula PBS ke dalam BN telah dibincangkan di dalam mesyuarat MT UMNO yang mendapat persetujuan mesyuarat.

Menurut Dr. Mahathir, keputusan MT UMNO itu akan dibawa oleh wakil UMNO ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dijangka akan diadakan selepas Hari Raya Aidilfitri ini.

Sementara itu Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat berkata, kenyataan Per-

dana Menteri berhubung dengan kemasukan semula PBS ke dalam BN itu adalah satu perkembangan yang amat positif.

"Kenyataan Dr. Mahathir itu (mengenai PBS) adalah satu khabar yang amat baik dan sudah tentu akan dapat meningkatkan perpaduan rakyat untuk pembangunan negeri," tegasnya.

Ditanya mengenai situasi yang bakal dihadapi di Dewan Undangan Negeri Sabah apabila ketiadaan pembangkang ekoran kemasukan semula PBS ke dalam BN, Chong berkata, peranan 'pembangkang' tetap ada.

Jelasnya, peranan pembangkang untuk membuat teguran positif kepada kerajaan tetap ada dan tidak semestinya mereka perlu berada di dalam Dewan.

## Diputuskan

Hasrat PBS untuk menyertai semula BN diputuskan oleh MT PBS yang mengadakan mesyuarat luar biasa selepas majlis penutup Kongres PBS ke-16 di Dewan Hongkod Koisaan, Penampang, dekat Kota Kinabalu pada 13 November lalu.

Presidennya, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berkata, persetujuan untuk membuat permohonan bagi menyertai BN itu dicapai setelah membuat pertimbangan semasak-masaknya demi kepentingan perpaduan dan pembangnan masa depan negeri.

PBS keluar BN beberapa hari sebelum pilihan raya umum Oktober 1990 kerana condong kepada parti pembangkang Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang ketika itu diketuai oleh Tengku Raaaleigh Hamzah.

PBS berjaya membentuk kerajaannya di Sabah pada pilihan raya 1990 meskipun S46 gagal berkuasa terutama di Semenanjung.